



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR

---

KURSUS	:	ENTREPRENEURSHIP (KEUSAHAWANAN)
KOD KURSUS	:	ETR 3013
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2019
MASA	:	3 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** Bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan
  - iii. Kertas Jawapan Objektif

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah perbezaan antara keperluan dan kehendak?

	<b>Keperluan</b>	<b>Kehendak</b>
<b>A</b>	Tidak terhad	Terhad
<b>B</b>	Televisyen, telefon bimbit	Makanan, pakaian, tempat tinggal
<b>C</b>	Perlu untuk terus hidup	Perlu untuk keselesaan
<b>D</b>	Sukar dipenuhi	Senang dipenuhi

2. Apakah salah satu ciri Industri Kecil dan Sederhana (IKS)?

- A** Pekerja hanya terdiri daripada ahli keluarga.
- B** Nilai jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta.
- C** Lokasi industri hanya terletak di kawasan bandar.
- D** Menggunakan mesin pengeluaran berteknologi tinggi.

3. Berdasarkan pernyataan 1 di bawah, apakah bentuk perniagaan yang bersesuaian?

- Mudah ditubuhkan
- Hal ehwal perniagaan dirahsiakan
- Pemilik mempunyai kuasa penuh

**Pernyataan 1**

- A** Perkongsian.
- B** Milikan tunggal.
- C** Syarikat Sdn Bhd.
- D** Perniagaan korporat.

4. Pernyataan manakah yang berikut bukan mengenai kepentingan keusahawanan?
- A Menggabungkan sumber ekonomi.  
B Memberi cabaran kepada orang lain.  
C Meningkatkan taraf sosial masyarakat.  
D Menggunakan sumber-sumber yang ada secara optimum.
5. Apakah proses terlibat di dalam proses pengeluaran?
- A Output - Jual - Untung.  
B Input - Proses - Output.  
C Output - Proses - Input.  
D Sumber Manusia - Bahan Mentah - Output.
6. Siapakah antara berikut menjalankan kegiatan yang berkaitan dengan sokongan bantuan perniagaan?
- A Doktor.  
B Penjaja.  
C Nelayan.  
D Pemandu lori.
7. Puan Limah adalah pemilik syarikat Roti Tembam Al-Limah Sdn. Bhd. di Taman Pokok Subor. Beliau telah memberi biasiswa kepada dua orang pelajar cemerlang Kolej Yayasan Pelajaran Johor

**Penyataan 2**

Pernyataan 2 di atas adalah berkaitan dengan tanggungjawab Puan Limah dalam etika amalan perniagaaan kepada suatu pihak. Siapakah pihak tersebut?

- A Pekerja.  
B Kerajaan.  
C Pelanggan.  
D Masyarakat.

8. Faktor pengeluaran (sumber) yang manakah merupakan daya penggerak dalam menghasilkan sesuatu barang?
- A Tanah.  
B Buruh.  
C Modal.  
D Usahawan.
9. Pasangan manakah yang menerangkan tentang kegiatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)?

	Industri	Produk yang dihasilkan
A	Berasaskan logam	Wayar
B	Berasaskan ikan	Keropok
C	Komponen elektrik	Alat ganti jentera
D	Komponen automotif	Petrokimia

- 10.
- Mudah diurus
  - Mudah dikawal

**Penyataan 3**

Berdasarkan pernyataan 3 di atas, apakah jenis milikan perniagaan tersebut?

- A Koperasi.  
B Perkongsian.  
C Milikan Tunggal.  
D Perbadanan Awam.

11. Apakah media pengiklanan yang sesuai untuk mempromosikan buku terbitan baharu?
  - A Skrin besar.
  - B Surat khabar.
  - C Kad perniagaan.
  - D Halaman kuning (*yellow pages*).
12. Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan?
  - A Dokumen perjanjian antara peniaga dan pelanggan.
  - B Perniagaan yang mampu untuk memantau tindakan pesaing.
  - C Perniagaan yang mempunyai lokasi strategi dan tumpuan pelanggan.
  - D Dokumen bertulis yang menceritakan keseluruhan perniagaan dan kewangan.
13. Ahmad ingin menubuhkan perniagaan milikan tunggal. Apakah kelebihan perniagaan milikan tunggal?
  - A Mudah diuruskan.
  - B Memerlukan rakan kongsi.
  - C Mudah untuk mendapatkan modal.
  - D Perkembangan perniagaan terhad.
14. Apakah keburukan milikan perniagaan perkongsian?
  - A Mudah mendapat pinjaman.
  - B Harta peribadi dan syarikat disatukan.
  - C Percanggahan pendapat daripada rakan kongsi.
  - D Lebih banyak idea, kebolehan dan kemahiran daripada rakan kongsi.

15. Situasi yang manakah melibatkan bantuan perniagaan?
- I Puan Milah mengajar di Kolej Yayasan Pelajaran Johor.
  - II Pak Baung menanam padi sawah dibantu oleh anaknya.
  - III Encik Manap menghantar keluarannya ke pasaran untuk dijual.
  - IV Cik Norma membeli polisi insurans daripada syarikat insurans.
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D III dan IV
16. Mengapakah risiko kejatuhan harga saham tidak boleh diinsuranskan?
- A Kekerapan kejadian risiko dapat ditentukan secara perangkaan.
  - B Kadar premium yang dikenakan adalah sangat tinggi.
  - C Kekerapan berlakunya risiko adalah sangat tinggi.
  - D Kadar premium tidak dapat dianggarkan.
17. Apakah kepentingan pembungkusan produk dalam strategi pemasaran?
- A Dapat menaikkan imej dan reputasi perniagaan.
  - B Dapat meningkatkan penggunaan barang tersebut.
  - C Dapat meningkatkan jumlah pembelian dalam kalangan pelanggan.
  - D Dapat menarik perhatian pelanggan untuk membeli produk tersebut.
18. Apakah jenis media yang sesuai digunakan untuk mengiklankan Pasar Raya Keluarga yang baru dibuka di Kulai, Johor?
- A Radio.
  - B Majalah.
  - C Televisyen.
  - D Risalah (*flyer*).

19. Rajah 1 menunjukkan logo salah satu agensi kerajaan.



Rajah 1

Apakah sumbangan agensi di atas?

- A Membuat penyelidikan saintifik dan teknikal terhadap pengeluaran.
  - B Menjalankan penyelidikan perindustrian.
  - C Menyediakan tempat bermiaga.
  - D Memberi lesen kepada peniaga.
20. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan kehendak manusia?
- A Membeli sebuah kereta mewah.
  - B Membeli rumah untuk diduduki.
  - C Mendapatkan pendidikan di sekolah berhampiran.
  - D Mendapatkan kasih sayang daripada rakan sebaya.

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.  
Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Terangkan tiga (3) ciri usahawan pada zaman Nabi Muhammad.

(6 markah)

- b. Perbualan berikut adalah antara Aminah yang merupakan pengusaha kuih Roti Gebu dengan sahabat baiknya, Khadijah.

Khadijah : Eh Aminah, termenung jauh nampaknya.

Aminah : Ada masalah ke?

Aminah : Saya tengah fikirkan tentang masa depan perniagaan saya.

Khadijah : Bukankah perniagaan awak semakin mendapat sambutan?

Aminah : Ya. Tapi saya menghadapi masalah kewangan untuk mengembangkan lagi perniagaan saya.

Khadijah : Jangan risau. Terdapat banyak agensi kerajaan yang dapat membantu awak

- c. Cadangkan tiga (3) agensi kerajaan yang menyediakan bantuan bagi mengatasi masalah Aminah.

(6 markah)

**SOALAN 2**

- a. Berikan maksud keperluan dan kehendak berserta contoh.

(4 markah)

- b. Nyatakan empat (4) strategi pemasaran.

(4 markah)

**SOALAN 3**

- a) Nyatakan dua (2) kebaikan milikan perniagaan berikut:
- i Milikan Tunggal
  - ii Perkongsian (4 markah)
- b) Bincangkan tiga (3) sumber keusahawanan yang digunakan oleh usahawan untuk menjalankan sesuatu projek perniagaan. (6 markah)

**SOALAN 4**

- a) Terangkan dua (2) kaedah pengumpulan data rancangan perniagaan. (4 markah)
- b) Huraikan tiga (3) tujuan penyediaan rancangan perniagaan. (6 markah)

**SOALAN 5**

Berikut adalah proses untuk membuat ayam panggang disalah sebuah restoran makanan segera di Johor Bahru. Lukiskan simbol proses mengikut urutan langkah di bawah.

- i. Menyimpan bahan mentah dan ayam di dalam peti ais
- ii. Perap ayam dengan ramuan
- iii. Pindahkan ayam ke tempat memanggang
- iv. Proses memanggang
- v. Pemeriksaan visual
- vi. Memindahkan ayam ke rak
- vii. Penyimpanan sementara
- viii. Meletakkan sos dan kicap
- ix. Pembungkusan
- x. Simpan di rak

Berdasarkan maklumat di atas, lukiskan carta alir proses untuk membuat ayam panggang.

(10 markah)

**SOALAN 6**

Encik Mazlan pemilik Syarikat Kraf Unik Sendirian Berhad menghasilkan dan mengedarkan pelbagai jenis kraf tangan untuk pasaran tempatan. Pemasaran juga dibuat melalui Perbadanan Kraftangan Malaysia (PKKM). Produk kraf yang dihasilkan adalah berdasarkan bahan mentah tempatan. Syarikat itu telah mencipta sejenis kraf tangan baru bertemakan 'Sayangi Malaysia'. Produk syarikat itu telah mewujudkan pasaran dalam kalangan pelancong yang mengunjungi Malaysia. Permintaan terhadap produk keluaran Syarikat Kraf Unik Sendirian Berhad semakin meningkat.

Kini Syarikat Unik Kraf Sendirian Berhad telah mendapat pesanan daripada Pejabat Pelancongan Malaysia di negara Eropah dan China untuk membekalkan keluaran terbarunya. Walapun beliau diminta menyiapkan pesanan tersebut dalam masa yang singkat,namun beliau bersetuju untuk membekalkannya.

Atas desakan untuk memenuhi permintaan yang banyak dalam masa yang singkat, maka pekerja pengeluaran diminta bekerja lebih masa termasuk pada cuti am. Tindakan Encik Mazlan telah menimbulkan rungutan dalam kalangan pekerja. Salah seorang pekerja syarikat tersebut telah membuat aduan kepada Jabatan Sumber Manusia kerana tidak berpuas hati dengan waktu bekerja dan bayaran yang diterima oleh mereka.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- a) Terangkan dua (2) ciri-ciri usahawan yang dimiliki oleh Encik Mazlan  
(4 markah)
- b) Senaraikan tiga (3) sumbangan Encik Mazlan sebagai seorang usahawan  
(3 markah)
- c) Pada pendapat anda, apakah alternatif lain untuk Encik Mazlan memperkenalkan produknya kepada masyarakat luar? (3 markah)

**[60 markah]****10**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam buku jawapan.

**SOALAN 1**

Sebuah syarikat perkhidmatan mencuci kenderaan mendapat tawaran mencuci 300 buah bas sebulan pada harga RM80.00 bagi seunit bas. Spesifikasi kerja yang dinyatakan adalah menyembur, membasuh dengan syampu keseluruhan badan dan menggilap dengan menggunakan bahan penggilap.

Kos operasi untuk sebulan adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Kos (RM)
1	Syampu	1,140
2	Bahan penggilap	1,725
3	Gaji penyelia	1,500
4	Upah pekerja	11,520
5	Sewa tapak	900
6	Bil elektrik	800
7	Span dan berus	750
8	Susut nilai mesin penyembur, mesin penggilap dan peralatan lain	1,050
9	Belanja runcit	450

Berdasarkan maklumat di atas, kirakan:

- a) Kos bahan langsung. (2 markah)
- b) Kos buruh langsung. (1 markah)
- c) Jumlah kos operasi sebulan. (3 markah)
- d) Kos seunit perkhidmatan. (2 markah)
- e) Keuntungan seunit perkhidmatan. (2 markah)

**SOALAN 2**

Mohd Faez bercadang membuka kilang membuat roti dengan nama Kedai Roti Gempak di kawasan Kampung Melayu Kulai. Mohd Faez mengenal pasti 7 pesaing utama dan saiz pasaran ialah lebih kurang RM400,000 sebulan seperti maklumat berikut.

Bil	Nama Pesaing	Anggaran Jualan Sebulan (RM)
1	Gardenia Bakeries (Johor )	100,000
2	President Bakery Confectionery	40,000
3	Kilang Roti Enak	40,000
4	Everyday Bakery	100,000
5	Perniagaan Roti Macdotta	40,000
6	Roti Imam	40,000
7	Roti Ria	40,000
<b>JUMLAH</b>		<b>RM400,000</b>

Mohd Faez menganggarkan bahawa jika perniagaannya mula beroperasi pada bulan Januari 2016, beliau akan dapat menguasai sebanyak 10% dari jumlah saiz pasaran di atas. Selepas kemasukan Kedai Roti Gempak, peratus pasaran pesaing Gardenia Bakeries, President Bakery Confectionery, Kilang Roti Enak, Everyday Bakery, Perniagaan Roti Macdotta, Roti Imam dan Roti Ria masing masing akan berkurang sebanyak 1%, 2%, 1%, 2%, 2%, 1%, 1%

Mohd Faez meramalkan ramalan jualan untuk bulan Januari 2016 adalah sejumlah RM40,000 dan akan meningkat sebanyak 6% sebulan sehingga bulan Disember 2016.

Mohd Faez juga meramalkan jualan tahunan bagi tahun 2017 akan meningkat sebanyak 10% berbanding jualan tahunan dibuat pada tahun 2017 dan juga meramalkan jualan tahunan bagi tahun 2018 akan meningkat sebanyak 15% berbanding jualan tahunan dibuat pada tahun 2017.

Anda diminta untuk,

- a) Sediakan jadual peratus pasaran sebelum kemasukan Kedai Roti Gempak. (5 markah)
- b) Sediakan jadual peratus pasaran selepas kemasukan Kedai Roti Gempak. (5 markah)

[20 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**